



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 3 JULAI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	JAMIN KUALITI, KESELAMATAN PERTANIAN, NASIONAL, SH -7 RUGI RM10 BILION TANAMAN DISERANG PEROSAK, NASIONAL, SH -7 800 NOTIFIKASI SISA RACUN DALAM HASIL TANI, NASIONAL, BH -8 800 NOTIFIKASI SISA RACUN DALAM HASIL PERTANIAN TEMPATAN, BH -ONLINE MINISTER: GOVT ALLOCATES RM10M TO BOOST AGRICULTURE EXPORT, PEST MANAGEMENT UNDER 12 TH MALAYSIAN PLAN, MALAY MAIL -ONLINE RM10 MILLION FOR IPM PROJECTS UNDER 12 TH MALAYSIA PLAN, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -1	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
7. 8.	LARANGAN IMPORT BABI, PRODUK BABI DARI NEGARA BERISIKO SIV H1N1, NASIONAL, SH -12 SWINE FLU DETECTED IN LIVESTOCKS, NATION/NEWS, NST -7	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
9. 10. 11.	300 USAHAWAN SERTAI AGRO BAZAR ONLINE, SUARA SARAWAK -ONLINE PENIAGA PASAR TANI GEMBIRA BARANG LARIS, HM -ONLINE SAMBAL TUMBUK WARISAN IBU, SUARA SARAWAK -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
12. 13.	USAHAWAN AGRO MUDA DIGESA MANFAAT INDUSTRI NANAS SEBAGAI KEKAYAAN BAHARU NEGARA, ASTRO AWANI -ONLINE PINEAPPLE INDUSTRY TO RECEIVE A BOOST FROM YOUNG AGROPRENEURS' INVOLVEMENT, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -4	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
14. 15. 16. 17. 18.	BEKALAN MAKANAN, KEPERLUAN ASAS MENCUKUPI, NASIONAL, SH -12 JANGAN 'HANGAT-HANGAT TAHI AYAM, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH -30 ISMAIL JAMIN BEKALAN MAKANAN, KEPERLUAN ASAS MENCUKUPI, OH SEMPUT -ONLINE SUFFICIENT SUPPLY OF FOOD, ESSENTIAL ITEMS, SAYS ISMAIL SABRI, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -4 SUFFICIENT SUPPLY OF FOOD, ESSENTIAL ITEMS, SAYS ISMAIL SABRI, NEWS, MAKAL OSAI -3	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Jamin kualiti, keselamatan pertanian

Ronald (diri) melihat tanaman kelapa yang diadakan kajian keberkesanan IPM sempena Program Walkabout dan Perasmian Showroom IPM di Taman Pertanian Johor, Pasir Gudang semalam.



Ronald (diri) melihat tanaman kelapa yang diadakan kajian keberkesanan IPM sempena Program Walkabout dan Perasmian Showroom IPM di Taman Pertanian Johor, Pasir Gudang semalam.

Kira-kira RM10 juta disediakan untuk galak program IPM

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

PASIR GUDANG

Kira-kira RM10 juta diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) untuk menggalakkan program Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) bagi mendapatkan hasil pertanian yang berkualiti dan terjamin keselamatannya.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, jumlah itu lebih daripada RM2.5 juta yang diperuntukkan dalam RMK11 (2016-2020) melibatkan 2,215 petani di seluruh negara dengan keluasan tanah 10,000 hektar.

Menurutnya, usaha itu dilaksanakan melalui sistem IPM bagi melindungi hasil industri pertanian negara daripada serangan perosak dan pencemaran sisa racun.

"Ia akan dapat meningkatkan keyakinan negara-negara pengimport hasil pertanian di Malaysia yang terjamin kualiti dan keselamatannya.

Sistem IPM akan terus dipromosi pelaksanaannya dalam kalangan pengusaha dan pengeluar bahan pertanian tempatan.

"Berdasarkan laporan Jabatan Pertanian pada tahun 2018 dan 2019, Malaysia menerima 800 notifikasi dari Singapura, Jepun, Jerman dan Taiwan setiap tahun berkaitan sisa residu racun perosak yang melebihi paras dibenarkan.

"Ia memberi gambaran negatif tentang jaminan keselamatan dan kualiti hasil pertanian Malaysia kepada negara pengimport dan pasaran tempatan," katanya pada sidang akhbar selepas Program Walkabout dan Perasmian Showroom IPM di Taman Pertanian Johor di sini semalam.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Samsolhari Jamali; Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Zainal Aznan Abu Seman dan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Mohd Nasir Waris.

Sementara itu, Ronald berkata, sistem IPM juga akan memastikan angka notifikasi produk pertanian Malaysia pada masa akan datang dapat dikurangkan, selain kualiti dan jaminan keselamatan untuk keperluan eksport ke pasaran antarabangsa ditingkatkan.

Menurutnya, pendekatan IPM secara tidak langsung dapat mengurangkan penggunaan racun kimia dan mengurang-



Ronald (dua dari kiri) melawat gerai-gerai pameran sempena Program Walkabout dan Perasmian Showroom IPM di Taman Pertanian Johor, Pasir Gudang semalam.

kan pencemaran alam sekitar.

"Antara lima amalan IPM yang digunakan di Malaysia secara komersial adalah perangkap berupa pekat warna kuning dan biru untuk menarik serangga perosak.

"Racun perosak biologi dan repelan yang diekstrak daripada tanaman atau buah-buahan semula jadi, antaranya daun neem, bawang putih dan minyak kayu putih turut digunakan," katanya.

Beliau berkata, ia termasuk penggunaan kulat metarhizium dan perangkap organik bagi kawalan kumbang tanduk untuk tanaman kelapa.

Begitu juga, katanya, penggunaan bakteria *Bacillus thuringiensis* bagi

mengawal kupu-kupu *Plutella xylostella* di tanaman sayur daun seperti kobis.

"Penggunaan kulat *Trichoderma sp* dan bakteria *Bacillus subtilis* adalah untuk mengawal penyakit akar tanaman buah-buahan dan sayuran. IPM juga menggunakan serangga *Coenosis exigua* sebagai agen kawalan biologi bagi mengawal ulat pelombong daun pada tanaman sayuran," katanya.

Selain itu, Ronald berkata, kesan yang paling utama didasarkan kerajaan menerusi sistem IPM adalah rakyat dapat menikmati hasil pertanian di pasaran tempatan yang selamat untuk dimakan dan berkualiti kerana bebas daripada pencemaran racun berbahaya.

Rugi
RM10
bilion
tanaman
diserang
perosak

PASIR GUDANG - Sejak lima tahun belakangan ini, tanaman di Malaysia diserang pelbagai jenis perosak invasif yang menyebabkan kerugian hampir RM10 bilion.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, tiga perosak utama adalah kumbang merah palma pada tanaman kelapa, hawar bulir bakteria pada tanaman padi dan ulat ratus pada tanaman jagung.

"Perosak ini bukan sahaja menjejaskan hasil tanaman dan perdagangan, malah kerajaan telah membelanjakan lebih RM5 juta dalam tempoh tersebut untuk aktiviti kawalan dan pemusnahan perosak di seluruh Malaysia.

"Dalam suasana ekonomi dunia kini terjejas akibat wabak coronavirus (Covid-19), kita pas-

tinya tidak mahu kerugian hasil pertanian disebabkan ketidak boleh pasaran atau kemusnahan hasil pertanian akibat serangan perosak memburukkan lagi keadaan," katanya pada Program Walkabout dan Perasmian Showroom Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) di Taman Pertanian Johor di sini semalam.

Menurutnya, kementerian menerusi Jabatan Pertanian yang menjalankan fungsi sebagai Organisasi Perlindungan Tumbuhan Kebangsaan berusaha memastikan pelaksanaan biosekuriti tanaman dan tumbuhan menjadi keutamaan dalam memacu usaha ke arah pertanian mampan.

Sementara itu, beliau berkata, Taman Pertanian Johor menjadi rujukan usahawan tani, pengeksport, pelajar dan masyarakat

kerana menjadi perintis sistem IPM sejak tahun 2019 di kawasan seluas 42 hektar dengan nilai RM100,000 yang melibatkan tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan.

Menurutnya, tujuan utama program tersebut adalah untuk hebahkan kepada masyarakat tempatan dan luar negara mengenai kepentingan IPM dalam pengeluaran hasil pertanian yang selamat dimakan dan dapat meningkatkan keyakinan pengimport tentang kualiti produk pertanian Malaysia.

"Pengamalan IPM turut menyokong pensijilan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) dan menjadi syarat utama kelulusan mengeksport buah-buahan ke China, Jepun, Australia serta Amerika Syarikat," kata beliau.

800 notifikasi sisa racun dalam hasil tani

Pasir Gudang: Malaysia menerima 800 notifikasi dari Singapura, Jepun, Jerman dan Taiwan setiap tahun, berkaitan sisa baki (residu) racun perosak yang melebihi paras dibenarkan dalam hasil pertanian yang dieksport negara ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khande, berkata laporan Jabatan Pertanian bagi 2018 dan 2019 itu menunjukkan situasi itu memberi gambaran negatif mengenai jaminan keselamatan dan kualiti hasil pertanian Malaysia kepada negara pengimport dan pasaran tempatan.

Beliau berkata, galakan pelaksanaan sistem Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) di sektor pertanian akan terus dipromosi pelaksanaannya dalam kalangan pengusaha dan pengeluar bahan pertanian tempatan.

"Ya dalam memastikan angka notifikasi produk pertanian Malaysia pada masa akan datang dapat dikurangkan serta kualiti dan jaminan keselamatan untuk keperluan eksport ke pasaran antarabangsa ditingkatkan. Impak paling utama disasarkan kerajaan menerusi sistem IPM ini adalah rakyat dapat

taranya kumbang merah palma pada tanaman kelapa, 'bacterial panicle blight' (padi) dan 'fall armyworm' pada jagung.

"Tiga perosak ini memberi kerugian anggaran hampir RM10 bilion kepada bukan sahaja hasil tanaman dan perdagangan, malah kerajaan sudah membelanjakan lebih RM5 juta dalam tempoh itu bagi aktiviti kawalan dan pemusnahan perosak di seluruh negara.

"Dengan keadaan suasana ekonomi dunia kini yang terjejas akibat wabak COVID-19, kita pastinya tidak mahu kerugian hasil pertanian akibat ketidakbolehan pasaran atau kemusnahan hasil pertanian akibat serangan perosak memburukkan lagi situasi dunia masa kini," katanya.

Sementara itu, Jabatan Pertanian Malaysia akan memperuntukkan RM10 juta bagi melaksanakan projek IPM menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Ketua Pengarahnya, Mohd Nasir Warris berkata, peruntukan yang diperoleh daripada kerajaan itu akan memberi impak kepada masyarakat di negara ini dan juga tujuan eksport.



Ronald (dua dari kiri) mendengar taklimat selepas Perasmian Showroom IPM di Taman Pertanian Johor, semalam. (Foto BERNAMA)

kedudukan sekuriti makanan dalam sesebuah negara," katanya berucap pada Program Walkabout dan Perasmian Showroom IPM di Taman Pertanian Johor, semalam.

Ronald berkata, dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, tanaman di Malaysia disasarkan pelbagai jenis perosak an-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/7/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

800 notifikasi sisa racun dalam hasil pertanian tempatan



PASIR GUDANG: Malaysia menerima 800 notifikasi dari Singapura, Jepun, Jerman dan Taiwan setiap tahun, berkaitan sisabaki (residu) racun perosak yang melebihi paras dibenarkan dalam hasil pertanian yang dieksport negara ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang, berkata laporan Jabatan Pertanian bagi tahun 2018 dan 2019 itu menunjukkan situasi itu memberi gambaran negatif mengenai jaminan keselamatan dan kualiti hasil pertanian Malaysia kepada negara pengimport dan pasaran tempatan.

Beliau berkata, galakan pelaksanaan sistem Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) di sektor pertanian akan terus dipromosi

pelaksanaannya dalam kalangan pengusaha dan pengeluar bahan pertanian tempatan.

"Ia dalam memastikan angka notifikasi produk pertanian Malaysia pada masa akan datang dapat dikurangkan serta kualiti dan jaminan keselamatan untuk keperluan eksport ke pasaran antarabangsa ditingkatkan.

— ADVERTISEMENT —

"Impak yang paling utama disasarkan kerajaan menerusi sistem IPM ini adalah rakyat dapat menikmati hasil pertanian di pasaran tempatan yang selamat untuk dimakan dan berkualiti kerana bebas dari pencemaran racun berbahaya.

"Makanan yang selamat juga adalah satu daripada elemen penting sebagaimana yang ditetapkan Food and Agriculture Organization (FAO) untuk menilai kedudukan sekuriti makanan dalam sesebuah negara," katanya berucap pada Program Walkabout dan Perasmian Showroom IPM di Taman Pertanian Johor, hari ini.

Ronald berkata, lima tahun kebelakangan ini, tanaman di Malaysia diserang pelbagai jenis perosak invasif antaranya kumbang merah palma pada tanaman kelapa, 'bacterial panicle blight' pada tanaman padi dan 'fall armyworm' pada tanaman jagung.

"Tiga perosak ini memberi kerugian anggaran hampir RM10 bilion kepada bukan sahaja hasil tanaman dan perdagangan, malahan kerajaan sudah membelanjakan lebih RM5 juta dalam tempoh itu bagi aktiviti kawalan dan pemusnahan perosak di seluruh negara.

"Dengan keadaan suasana ekonomi dunia kini yang terjejas akibat wabak COVID-19, kita pastinya tidak mahu kerugian hasil pertanian akibat ketidak boleh pasaran atau kemusnahan hasil pertanian akibat serangan perosak memburukkan lagi situasi dunia masa kini.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Jabatan Pertanian (DOA) yang menjalankan fungsi sebagai Organisasi Perlindungan Tumbuhan Kebangsaan berusaha untuk memastikan pelaksanaan biosekuriti tanaman dan tumbuhan menjadi keutamaan dalam memacu usaha ke arah pertanian mampan," katanya.

Dalam pada itu, Jabatan Pertanian Malaysia akan memperuntukkan RM10 juta bagi memperkasakan projek IPM menerusi Rancangan Malaysia ke -12 (RMK-12).

Pengarahnya, Mohd Nasir Warris, berkata peruntukan yang diperolehi dari kerajaan itu akan memberi impak kepada masyarakat di negara ini dan juga tujuan eksport.

"IPM ini sebenarnya ketika RMK-11, kerajaan peruntukkan RM2.5 juta dan kita akan perkasakan lagi dalam RMK-12 ini dengan RM10 juta untuk hasilkan makanan yang selamat dimakan rakyat di negara ini dan untuk dieksport.

"Kita juga memudahkan pensijilan myGAP dan ia bergantung kepada jenis sayuran di mana dalam tempoh tiga bulan sudah boleh peroleh sijilnya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/7/2020	MALAY MAIL	ONLINE	

Minister: Govt allocates RM10m to boost agriculture export, pest management under 12th Malaysian Plan



Datuk Seri Ronald Kiandee said the government had allocated RM2.5 million for IPM under the 11th Malaysia Plan, with RM10 million to be made under the 12th Malaysia Plan to ensure safety of food for the people, as well as for export. — Picture by Hari Anggara

JOHOR BARU, July 2 — The government is allocating RM10 million under the 12th Malaysia Plan to strengthen integrated pest management (IPM) projects and boost the country's agriculture export, said Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Ronald Kiandee.

He said the government had allocated RM2.5 million for IPM under the 11th Malaysia Plan, with RM10 million to be made under the 12th Malaysia Plan to ensure safety of food for the people, as well as for export.

"IPM is an approach that should be adopted for all types of fruit and vegetable cultivation in the country, in line with our aspiration to make Malaysia a premium exporter of fruits and vegetables with myGAP certification, making the country a leading exporter which complies with food safety regulations", he told reporters after a walkabout and opening of the IPM showroom at the Johor Agricultural Park, Kong Kong, Pasir Gudang, near here, today.

Kiandee is here on a two-day working visit to Johor which began today.

Earlier in his speech, Kiandee said Malaysia received 800 notifications from Singapore, Japan, Germany and Taiwan every year on pesticide residues on food items exported to the countries concerned.

This, he said, gave a negative picture on the safety and quality of Malaysian agricultural products to the importing countries and local markets.

As such, he said, implementation of the IPM system in the agricultural sector would continue to be promoted among local agricultural operators and manufacturers to enhance the quality and safety of local agricultural produce.

In a related development, he said the government had spent more than RM5 million over the last five years for pest control and destruction activities nationwide.

He said three types of pests, namely palm beetles on coconut plants, 'bacterial panicle blight' for padi and 'fall armyworm' on corn, had caused losses amounting to nearly RM10 million, not only to the crop, but also trade. — Bernama

Headline	RM10 million for IPM projects under 12th Malaysia Plan		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	03 Jul 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	1	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	294 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,009
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 12,027



RM10 million for IPM projects under 12th Malaysia Plan

JOHORBAHRU: The government is allocating RM10 million under the 12th Malaysia Plan to strengthen integrated pest management (IPM) projects and boost the country's agriculture export, said Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiangdee.

He said the government had allocated RM2.5 million for IPM under the 11th Malaysia Plan, with RM10 million to be made under the 12th Malaysia Plan to ensure safety of food for the people, as well as for export.

"IPM is an approach that should be adopted for all types of fruit and vegetable cultivation in the country, in line with our aspiration to make Malaysia a premium exporter of fruits and vegetables with myGAP certification, making the country a leading exporter which complies with food safety regulations," he told reporters after a walkabout and opening of the IPM showroom at the Johor Agricultural Park, Kong Kong, Pasir Gudang near here yesterday.

Kiangdee is here on a two-day working visit to Johor which began yesterday.

Earlier in his speech, Kiangdee said Malaysia received 800 notifications from Singapore, Japan, Germany and Taiwan every year on pesticide residues on food items exported to the countries concerned.



Kiangdee (left) after a walkabout and opening of the IPM showroom at the Johor Agricultural Park, Kong Kong, Pasir Gudang in Johor Bahru. — Bernama photo

This, he said, gave a negative picture on the safety and quality of Malaysian agricultural products to the importing countries and local markets.

As such, he said, implementation of the IPM system in the agricultural sector would continue to be promoted

among local agricultural operators and manufacturers to enhance the quality and safety of local agricultural produce.

In a related development, he said the government had spent more than RM5 million over the last five years for pest control and destruction activities

nationwide.

He said three types of pests, namely palm beetles on coconut plants, bacterial panicle blight for padi and 'fall armyworm' on corn, had caused losses amounting to nearly RM10 million, not only to the crop, but also trade. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/7/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Larangan import babi, produk babi dari negara berisiko SIV H1N1

PUTRAJAYA - Larangan pengimporan babi dan produk babi dari negara terjangkit dan berisiko dijangkiti Swine Influenza virus H1N1 (SIV H1N1) atau selesema babi akan diteruskan bagi mengelak penularan wabak berkenaan di Malaysia.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dalam satu kenyataan semalam berkata, larangan itu adalah antara kawalan dan pencegahan yang diambil Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang akan dilaksanakan pihaknya bersama Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Menurutnya, sebagai kesiapsiagaan, DVS juga telah menjalankan surveilan untuk mengesan SIV H1N1 dan H1N1pdm09 pada babi komersial dan babi hutan menerusi program surveilan kebangsaan.

“Penemuan surveilan mendapati terdapat sampel yang seropositif kepada SIV H1N1. Bagaimanapun, ternakan babi yang seropositif tidak menunjukkan sebarang gejala penya-

kit dan tidak berisiko untuk menyebarkan jangkitan kepada manusia.

“Keputusan ujian H1N1pdm09 pula adalah negatif ke atas semua sampel,” menurut kenyataan tersebut.

Sementara itu, menurut DVS, surveilan klinikal dan pensampelan terus dijalankan di semua ladang babi komersial serta babi hutan termasuk di pintu-pintu masuk negara.

“Semua sampel yang diambil akan diuji di makmal DVS. Kempen kesedaran awam kepada penternak babi mengenai penyakit ini juga akan dijalankan di semua negeri.

“Penternak diminta untuk mempertingkatkan biosekuriti ladang melalui tindakan pencegahan seperti tidak melawat ladang babi yang terjangkit,” menurut DVS.

Industri babi di Malaysia ketika ini mempunyai populasi sebanyak 1,748,547 ekor babi bernilai RM5 billion yang ditenak di 614 buah ladang komersial melibatkan kira-kira 5,000 pekerja yang terbabit secara langsung dalam industri ternakan tersebut.

SIV H1N1 VIRUS

SWINE FLU DETECTED IN LIVESTOCK

'Infected pigs show no symptoms of disease, no risk of spreading infection to humans'

KUALA LUMPUR

THE Veterinary Services Department (DVS) has detected seropositive samples of the Swine Influenza H1N1 (SIV H1N1) virus, or swine flu, in commercial livestock and wild boars via the national surveillance programme.

The department, however, said that the seropositive pig breeds showed no symptoms of disease and were not at risk of spreading the infection to humans.

The Agriculture and Food Industries Ministry, through the DVS and the Malaysian Quarantine and Inspection Services, had taken measures to prevent the disease from entering the country.

Among them are restrictions on the importation of pigs and pig products from infected and at-risk countries, as well as preventive measures, including monitoring and inspections at the country's main gateways.

DVS said awareness campaigns on swine flu had been launched in all states, and livestock breeders were urged to increase farm biosecurity through preventive measures, such as not visiting infected pig farms.

The swine industry has a livestock population of 1,748,547, worth some RM5 billion, being bred on 614 commercial farms, involving about 5,000 workers, it added. **Bernama**



Swine flu awareness campaigns have been launched in all states. FILE PIC

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/7/2020	SUARA SARAWAK	ONLINE	

300 usahawan sertai Agro Bazar Online



KUCHING: Sehingga kini sebanyak 300 orang usahawan tempatan di Sarawak menyertai Agro Bazar Online (ABO) yang dikendalikan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

Ketua Unit IAT dan Pemasaran Online Fama Joblee Nahri berkata, Fama memainkan peranan dalam membantu usahawan memasarkan produk mereka secara dalam talian.

"Platform ABO ini sebenarnya sudah lama ditubuhkan, tetapi sekarang ia platform yang semakin popular digunakan oleh ramai usahawan. "Oleh itu, program hari ini dianjurkan untuk mempromosikan produk-produk yang

dibangunkan oleh usahawan dalam talian supaya orang awam dapat melihat sendiri kualiti produk yang dijual usahawan tempatan," ujarnya ketika ditemui Suara Sarawak di sini, kelmarin.

Joblee Nahri menambah, Program Sudut IAT dan ABO itu juga turut mempromosikan pelbagai produk usahawan dari Miri, Betong, Sarikei dan Sri Aman termasuk Kuching.

"Bagi usahawan yang jauh dari Kuching, kedai ABO Jalan Matang Jaya ini akan dijadikan 'pick up point' kepada pelanggan untuk mengambil produk yang mereka beli. "Fama giat membantu para usahawan mempromosikan produk mereka menerusi pelbagai saluran media seperti Facebook, WhatsApp dan akhbar," ujarnya.

Jelasnya lagi, produk usahawan tempatan Sarawak juga turut dipromosikan ke Semenanjung Malaysia. "Setiap produk yang dibangunkan oleh usahawan tempatan akan diuji di makmal terlebih dahulu untuk mendapatkan tahap nutrisi produk tersebut.

"Tahap nutrisi produk yang dibangunkan oleh usahawan sentiasa dipantau oleh Fama agar kualiti produk tersebut terus terjamin," katanya.

Sekitar 20 orang usahawan tempatan mempromosikan produk masing-masing seperti gula apong, sambal pelbagai perisa, lumek gula apong, kerepek, kuih tradisional, rempah tradisional, produk tenusu dan sebagainya.

01 JUL, 2020

Peniaga pasar tani gembira barang laris

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Peniaga pasar tani gembira barang laris

Seremban: Kira-kira 40 peniaga Pasar Tani Ampangan, di sini lega apabila ia dibuka semalam, selepas lebih tiga bulan ditutup sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu.

Tinjauan mendapati susunan berubah apabila kedudukan antara gerai dijarakkan 1.5 meter seperti prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan pihak berkuasa.

Peniaga dikehendaki memakai pelitup muka dan sarung tangan manakala kanak-kanak tidak dibenarkan memasuki kawasan gerai.

Seorang anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) ditempatkan di pintu masuk bagi mengambil suhu badan pengunjung serta dikehendaki menulis nama dengan lauan masuk dan keluar dipisahkan.

Peniaga sayur kampung, Nor Aziah Ahmad, 55, berkata, dia lega apabila dapat

berniaga semula selepas empat bulan menutup perniagaan disebabkan PKP.

"Alhamdulillah, saya dapat berniaga walaupun pada hari pertama banyak barang habis dijual," katanya yang lebih 10 tahun lalu mencari makan di situ.

Peniaga kuih, Abdul Aziz Abdul Hamid, 65, turut bersyukur kerana pasar tani beroperasi semula.

Pesara tentera itu berkata, SOP tidak menjadi isu kerana ia dapat memastikan tiada kluster baharu Covid-19 dari pasar berkenaan sekali gus memastikan peniaga dan pengunjung terselamat.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Makanan negeri Bakri Sawir berkata, buat permulaan hanya satu pasar tani dibenarkan beroperasi di setiap daerah di negeri itu sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).



PENGUNJUNG Pasar Tani Ampangan memasukkan nombor giliran selepas membeli barang ke dalam kotak disediakan, semalam.



01 JUL, 2020

Peniaga pasar tani gembira barang laris

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Seremban: Kira-kira 40 peniaga Pasar Tani Ampangan, di sini lega apabila ia dibuka semalam, selepas lebih tiga bulan ditutup sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu. Tinjauan mendapati susunan berubah apabila kedudukan antara gerai dijarakkan 1.5 meter seperti prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan pihak berkuasa. Peniaga dikehendaki memakai pelitup muka dan sarung tangan manakala kanak-kanak tidak dibenarkan memasuki kawasan gerai.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/7/2020	SUARA SARAWAK	ONLINE	

Sambal tumbuk warisan ibu



KUCHING: Mewarisi kepakaran membuat sambal tumbuk daripada ibunya, Siti Aminah Fadzli akhirnya menubuhkan Imanqhu Enterprise yang memasarkan produk sambal tumbuk warisan ibunda.

Sebelum berkecimpung dalam bidang perniagaan sambal tumbuk, dia pernah menceburi bidang catering makanan.

"Semasa membuat catering, pelanggan gemar sambal tumbuk kering yang saya buat.

"Dari situ timbul idea untuk membangunkan sendiri sambal tumbuk

pelbagai perisa yang dipelajari daripada ibu," katanya semasa ditemui dalam Program Agro Bazar Online (ABO) yang dianjurkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

Kata Siti, sambal tumbuk buatannya senang, mudah dan sedap dimakan.

"Terdapat pelbagai jenis perisa sambal dihasilkan seperti sambal tumbuk ikan bilis, ikan bilis belacan, udang kering, daging, ayam dan makanan laut.

"Malah, saya juga menyediakan sambal nanas, buah kepayang, sotong, acar buah-buahan yang dicampur dengan limau kasturi," ujamya.

Menurutnya lagi, Fama memainkan peranan penting dari sudut mengetengahkan promosi pasaran dan sampel.

"Fama membantu menaikkan nama usahawan baharu seperti saya.

"Agensi ini memberi tunjuk ajar kaedah meningkatkan mutu dan kualiti produk sehingga saya boleh menjana pendapatan lumayan," jelasnya.

Siti juga menasihati usahawan muda untuk berani terlibat dalam bidang perniagaan dan terus belajar.

"Kualiti produk sangat penting. Kita harus terbuka menerima teguran jika ingin berjaya.

"Saya dahulu tidak begitu arif tentang pemasaran produk, tetapi kini saya bersyukur kerana dengan asanya bantuan Fama, saya boleh belajar mempromosikan produk sambal tumbuk ini.

"Malah, apabila Fama menganjurkan sesuatu program seperti karnival, saya mampu meraih pendapatan hingga RM2,000 dalam tempoh seminggu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/7/2020	ASTRO AWANI	ONLINE	

Usahawan agro muda digesa manfaat industri nanas sebagai kekayaan baharu negara



Industri pengeluaran nanas negara akan terus diperkasakan dengan menarik lebih ramai usahawan agro muda.

JOHOR BAHRU: Industri pengeluaran nanas negara akan terus diperkasakan dengan menarik lebih ramai usahawan agro muda untuk terlibat dalam pertanian nanas yang dikategorikan sebagai sumber kekayaan baharu negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata kementerian dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah memainkan peranan dalam melaksanakan program tanaman melibatkan golongan berkenaan.

Katanya mereka merupakan pemangkin kepada sektor pertanian negara seperti Projek Kluster Nanas Lestari (KNAL) yang dilihat mampu menjana ekonomi dan pendapatan lebih baik kepada pekebun dan pengusaha.

"Oleh itu, kita ingin melihat anak-anak muda sama ada lepasan sekolah atau lepasan universiti yang berminat dalam bidang pertanian boleh menceburi penanaman nanas ini.

"Kerajaan menyediakan dana di bawah program usahawan agro muda, pinjaman Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional dan pinjaman mikro kredit yang dikendalikan oleh Agrobank," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri taklimat industri nanas di ibu pejabat LPNM di Wisma Nanas di sini pada Khamis.

Turut hadir Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah, Ketua Setiausaha kementerian Datuk Zainal Azman Abu Seman dan Pengerusi LPNM Datuk Dr Sahrudin Jamal.

Pada tahun lepas, eksport produk nanas negara meningkat 60 peratus kepada RM491 juta berbanding RM343 juta pada tahun sebelumnya.

"Di peringkat dunia, Malaysia berada di kedudukan ke-19 untuk pengeluar buah nanas, manakala Johor adalah negeri terbesar untuk tanaman nanas (9,700 hektar) yang juga perintis kepada penanaman MD2 di Malaysia," katanya.-- BERNAMA

Headline	Pineapple industry to receive a boost from young agropreneurs' involvement		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	03 Jul 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	4	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	141 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,923
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,768



Pineapple industry to receive a boost from young agropreneurs' involvement

JOHOR BAHRU: The local pineapple industry will continue to be strengthened through efforts to increase the involvement of young agropreneurs in growing the fruit, which has been categorised as the country's new source of wealth.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang said his ministry and the Malaysian Pineapple Industry Board (LPNM) were playing their role in implementing planting programmes for this group.

He said they represented a catalyst for the country's agriculture sector, such as

through the Sustainable Pineapple Cluster (KNAL) project, which could drive the economy and better income for both farmers and companies.

"We want to see youths, whether school or university graduates, who are keen on the agriculture field to be involved in pineapple cultivation.

"The government is providing funding through Tekun Nasional loans under the Young Agropreneur Programme as well as Agrobank's micro credit financing scheme," he told reporters after attending a pineapple industry briefing at LPNM's head office here yesterday.

Also present were Deputy Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Ahmad Hamzah, the ministry's secretary-general Datuk Zainal Azman Abu Seman and LPNM chairman Datuk Dr Sahrudin Jamal.

Last year, Malaysia boosted its pineapple product exports by 60 per cent to RM491 million from RM343 million in 2018.

"Globally, Malaysia ranks 19th in pineapple production, while Johor is the country's top pineapple-growing state (9,700 hectares) which is also pioneering the planting of MD2 variety here," Kiang said.

— Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/7/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Bekalan makanan, keperluan asas mencukupi



KUALA LUMPUR - Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menasihati orang ramai agar tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan asas kerana ia dijamin mencukupi.

Beliau berkata, ia berdasarkan pemantauan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan pada peringkat pengeluar makanan serta penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang membuat



Kerajaan memberi jaminan bekalan makanan dan keperluan asas mencukupi serta mudah diperoleh. Gambar kecil: Ismail Sabri

pemantauan harian ke atas 25 jenis bekalan barangan di 815 premis perniagaan termasuk peruncit (612), pemborong (173) dan pengilang (30).

“Secara keseluruhan, bekalan barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara yang bertenusan serta mudah diperoleh,” katanya dalam kenyataan mengenai Perintah

Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang memasuki hari ke-22 semalam.

Menurutnya, pegawai penguat kuasa KPDNHEP telah melakukan 1,885 pemeriksaan khas Pematuhan SOP PKPP dan mendapati 1,870 premis mematuhi SOP ditetapkan, manakala 15 lagi premis diberi nasihat kerana tidak patuh SOP.

- *Bernama*

3/7/2020

SINAR
HARIANWARNA-WARNI
KEHIDUPAN

30

Jangan 'hangat-hangat tahi ayam'

Kerjaya sebagai petani tidak sesuai untuk mereka yang tiada kesabaran tinggi

KUALA TERENGGANU



Kerjaya sebagai petani tidak sesuai untuk mereka yang 'hangat-hangat tahi ayam', kata badan 'garing' bila berpanas dan tiada kesabaran yang tinggi. Mereka yang mahu serius dalam bidang ini harus mengetahui bahawa pendapatan mereka tidak boleh diperoleh dalam jangka masa pendek, malah perlu bersedia untuk 'bertap' selagi musim menuai belum tiba.

Perkara ini dikongsi oleh empat individu yang mengusahakan tanaman Melon Manis Terengganu (MMT) di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Peradong dekat Manir di sini susulan trend terbaru rakyat Malaysia yang mula menjadikan pertanian sebagai kerjaya setelah hilang pekerjaan.

Muhammad Subri Zaid, 35, yang telah menjadi petani sejak empat tahun lalu berkata, pun-
dangan beliau itu bukanlah untuk meruntuhkan semangat mereka yang baru berjinak-jinak dalam bidang tersebut, sebaliknya mahu mereka bersedia dan dapat bertahan walau duji dalam pelbagai keadaan.

Beliau yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrikal Kuasa itu berharap usahawan tani baharu tidak ter-



Mohd Khairil menunjukkan MMT segar di TKPM Peradong, Manir baru-baru ini.

lalu ghairah mengejar keuntungan, sebaliknya perlu mendapatkan sebanyak mungkin ilmu agar tidak 'kecuang' di tengah jalan.

"Pertanian memberi jaminan masa depan yang cerah sekiranya pengusah memiliki minda positif, keazaman yang kuat dan per-
lu sentiasa peka dengan teknologi terbaru berkaitan pertanian.

Tunjuk ajar

"Namun, jika mahu menjadi petani kerana melihat kejayaan usahawan lain, ia tidak akan ke-
manana-mana kerana bidang ini bukanlah kerjaya main-main atau hanya suka-suka," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Senada dengan beliau ialah Wan Chik Wan Ahmad, 60, yang kerap melihat anak muda berpu-
tus asa untuk terus menjadi pe-
tani sedangkan mereka telah di-
beri tunjuk ajar yang baik oleh Jabatan Pertanian.

Menurutnya, segelintir mere-
ka tidak sanggup mengusahakan sendiri dan kerja lebih masa hing-
ga ada yang mengupah orang lain, walaupun pendapatan yang bakal diterima belum tentu jum-
lahnya dan tiada jaminan mem-
peroleh hasil yang baik.

"Banyak kali saya jumpa anak



Mohammad Sabri (tengah) bersama pekaafanya memetik melon manis yang telah masak untuk dijual di TKPM Peradong, Manir baru-baru ini.

muda yang buat kerja tani hanya sekadar tangkap muat, tidak ada ilmu dan tidak mahu bertanya kepada orang lama yang banyak petua dan pengalaman dalam bi-
dang pertanian.

"Ada juga yang gagal kerana pergaulan dengan rakan yang tiada matlamat sama," katanya yang turut mengusahakan pelba-
ng jenis tanaman kontan di se-
kitar rumah.

Sementara itu, Halim Ismail, 30, yang merupakan petani pa-
ling muda di TKPM Peradong turut menyarankan mereka yang berminat agar mempunyai wang simpanan sementara menunggu hasil tanaman dan bersedia untuk bekerja siang dan malam.

Beliau yang telah berjaya memperoleh jualan hasil tuai MMT hingga mencecah lebih RM30,000 semusim turut mem-
buktikan keputusannya mening-
galkan kerjaya dalam bidang cari-
gali minyak dan gas adalah tepat.

"Saya memang berasal daripa-
da keluarga petani dan bercita-cita menjadi petani sejak sekian lama,

cuma tidak berkesempatan kerana kesibukan kerjaya yang memerlu-
kan saya banyak berada di laut.

"Alhamdulillah, akhir tahun lalu saya dapat tahu TKPM Pe-
radong mempunyai kekongsian dan mencari pengusaha baharu yang berkelayakan.

"Jadi, saya terus membuat permohonan dan pergi temu duga. Mujurlah saya ada sedikit sebanyak ilmu pengetahuan da-
lam bidang pertanian dan akhir-
nya diterima," katanya yang me-
raih pendapatan bersih kira-kira RM8,000 sebulan.

Dalam pada itu, Pengurus TKPM Peradong, Mohd Khairil Azuan Aziz berkata, Jabatan Per-
tanian Terengganu sentiasa meng-
alu-alukan mereka yang berminat untuk menceburi bidang tersebut tetapi biarlah bersungguh-sung-
guh hingga membuahkan hasil.

"Anak muda mempunyai ba-
nyak peluang jika ada motivasi
dalam diri, apatah lagi bidang
pertanian kini sering diuar-uarkan
sebagai perniagaan dan kerjaya
yang baik," katanya. - Bernama



MMT segar yang baru diuji di TKPM Peradong.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/7/2020	OH SEMPUT	ONLINE	

Ismail jamin bekalan makanan, keperluan asas mencukupi



Orang ramai dinasihati tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan asas kerana ia dijamin mencukupi. — Foto oleh Sayuti Zainudin

KUALA LUMPUR, 2 Julai — Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menasihati orang ramai agar tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan asas kerana ia dijamin mencukupi.

Katanya, ini berdasarkan pemantauan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di peringkat pengeluar makanan dan penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang membuat pemantauan harian ke atas 25 jenis bekalan barangan di 815 premis perniagaan termasuk peruncit (612), pemborong (173) dan pengilang (30).

"Secara keseluruhan, bekalan barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara yang berterusan dan mudah diperolehi," katanya dalam kenyataan mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan yang memasuki hari ke-22, hari ini.

Ismail Sabri berkata pegawai penguatkuasa KPDNHEP telah melakukan 1,885 pemeriksaan khas Pematuan SOP PKPP dan mendapati 1,870 premis mematuhi SOP ditetapkan manakala 15 lagi premis diberi nasihat kerana tidak patuh SOP.

Sementara itu, 71 individu ditahan polis semalam atas kesalahan ingkar arahan PKPP. Daripada jumlah itu, 29 individu direman manakala 42 lagi dikompau.

"Antara kesalahan ingkar arahan PKPP ialah aktiviti karaoke atau pusat hiburan (12), aktiviti pub atau kelab malam (empat), aktiviti refleksologi atau urut (tujuh), aktiviti dengan melibatkan kehadiran orang ramai yang menyukarkan jarak sosial (34) dan aktiviti yang melanggar prosedur operasi standard (SOP) (14)," katanya.

Ismail Sabri berkata, Polis Diraja Malaysia membuat 66 Sekatan Jalan Raya Operasi Benteng di seluruh negara dan memeriksa 41,775 kenderaan bagi mengekang kemasukan pendatang asing tanpa izin terutamanya di lorong-lorong tikus, dan hasilnya 16 warga asing ditahan atas kesalahan Imigresen.

Bagi pemeriksaan di 53 tapak binaan di seluruh negara oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), 38 tapak binaan didapati patuh SOP ditetapkan, lima tidak patuh dan diberi amaran manakala 10 tapak binaan tidak beroperasi.

Ismail Sabri berkata 724 rakyat Malaysia pulang ke tanah air semalam melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2 dari Vietnam, Indonesia, Singapura, Qatar, UAE, Korea Selatan, Hong Kong, Taiwan dan Brunei.

Daripada jumlah itu, 723 individu diperintah untuk menjalani proses kuarantin wajib di kediaman masing-masing manakala seorang individu dibawa ke hospital.

Ismail Sabri turut meminta 620 orang yang dikenakan kuarantin rumah dan masih gagal menjalani ujian saringan kali kedua Covid-19 pada hari ke-13 kuarantin, untuk berbuat demikian sebelum dikenakan tindakan. — Bernama

Headline	Sufficient supply of food, essential items, says Ismail Sabri		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	03 Jul 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	4	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	174 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,186
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,559



Sufficient supply of food, essential items, says Ismail Sabri

KUALA LUMPUR: Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yesterday advised the people not to unnecessarily worry over food and essential goods supplies as there is more than enough to go around.

This is based on daily monitoring done on 25 types of items at 815 business premises, including retailers (612), wholesalers (173) and producers (30) by the Ministry of Agriculture and Food Industry and enforcement and checks by the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP).

"Overall, the supply of essentials is sufficient for the nation's needs, and easily available as well," he said in a statement on developments concerning the Recovery Movement Control Order (RMCO), which entered its 22nd day yesterday.

Ismail Sabri said KPDNHEP enforcement teams had conducted 1,885 special RMCO compliance inspections and found 1,870 premises had adhered to the SOPs, while the 15 which did not were advised to do so.

Meanwhile, police detained 71 individuals for defying RMCO directives yesterday, of which 29 were remanded and the rest slapped with compound notices.

"The violations include indulging in karaoke and entertainment centres activity

(12 individuals), pub or nightclub activities (four), reflexology or massage activity (seven), activities involving large crowds that hampered social distancing (34) and activities that did not comply with standard operating procedures (SOPs) (14 individuals)," he said.

Ismail Sabri said the police also mounted 66 Op Benteng roadblocks nationwide and inspected 41,775 vehicles to curb the entry of illegal immigrants, especially along rat trails, which resulted in 16 arrests.

Also, five of the 53 construction sites inspected by the Construction Industry Development Board (CIDB) failed to adhere to SOPs and were cautioned while 10 more were found not to be operating, he said.

Ismail Sabri said 724 Malaysians returned from abroad Wednesday via the Kuala Lumpur International Airport (KLIA) and KLIA2 from Vietnam, Indonesia, Singapore, Qatar, the United Arab Emirates (UAE), South Korea, Hong Kong, Taiwan and Brunei.

Of those, 723 will be undergoing mandatory home quarantine while one individual was sent to the hospital, he added.

Ismail Sabri also urged those under home quarantine and who have yet to undergo the Covid-19 second screening test on the 13th day, to do so before action is taken against them. — Bernama

Headline	Sufficient supply of food, essential items, says Ismail Sabri		
MediaTitle	Makkal Osai		
Date	03 Jul 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	28,000
Page No	3	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	117 cm ²
Journalist	NULL	AdValue	RM 766
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,297



புத்ராஜெயா, ஜூலை 3-
நாட்டில் போதுமான அளவு உணவுப்
பொருட்கள் இருப்பதால் மக்கள்
கவலை கொள்ள வேண்டாம் என
தற்காப்பு மூத்த அமைச்சர் டத்தோஹீ
இஸ்மாயில் சப்ரி யாக்கோப் கேட்டுக்

உணவுப் பொருட்கள் போதுமான அளவு உள்ளன

கொண்டுள்ளார்.

விவசாயம் மற்றும் உணவுத்துறை அமைச்சு உணவு
உற்பத்தியாளர் தரப்பு வரை தொடர் கண்காணிப்புப்
பணிகளை மேற்கொண்டு வருகிறது.

இதன் அடிப்படையில் நாட்டில் தேவைப்படும்
உணவுப்பொருட்கள் போதுமான அளவு இருப்பது
உறுதி செய்யப்பட்டுள்ளது.

நேற்று முன்தினம்கூட உள்நாட்டு வாணிபம் மற்றும்
பயனிட்டாளர் விவகாரத்துறை அமைச்சின் அமலாக்க
அதிகாரிகள் நாடு தழுவிய அளவில் 815 விற்பனை
மையங்களில் 25 பொருட்கள் குறித்து கண்காணிப்புப்
பணிகளை மேற்கொண்டுள்ளனர் என அவர் தமது
அறிக்கையில் குறிப்பிட்டுள்ளார்.